



MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.

(Company No. 902884-V)

(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)

(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). MRT Corp ingin menjemput syarikat-syarikat pembangunan hartanah yang berminat untuk menyertai *Request for Proposal* ("RFP") bagi cadangan pembangunan bersama yang terletak di Stesen MRT Sungai Jernih dan Stesen MRT Phileo Damansara.

Syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam pembangunan *high-rise mixed-development* digalakkan untuk mengambil bahagian.

TAJUK DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP
<p>1. REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE SELECTION OF DEVELOPMENT PARTNER FOR THE PROPOSED JOINT DEVELOPMENT AT THE SUNGAI JERNIH MRT STATION</p> <p>NO. RFP: KGL-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000004</p> <p>DAN/ ATAU</p> <p>2. REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE SELECTION OF DEVELOPMENT PARTNER FOR THE PROPOSED JOINT DEVELOPMENT ABOVE THE MULTI-STOREY PARK AND RIDE AT THE PHILEO DAMANSARA MRT STATION</p> <p>NO. RFP: KGL-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000005</p>	<p>Mesti memiliki dokumen sah seperti berikut:</p> <p>a) Syarikat Tempatan</p> <p>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sah.</p> <p>b) Syarikat Asing</p> <p>i. Memiliki salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan.</p> <p>ii. Penyertaan syarikat asing adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/ Konsortium bersama syarikat tempatan.</p>	<p>Setiap Dokumen RFP <i>Softcopy</i></p> <p>RM 5,000.00</p> <p>(Ringgit Malaysia: Lima Ribu sahaja)</p> <p>dalam bentuk</p> <p>Deraf Bank / Cek Bank / Online Tranfer</p> <p>Pembayaran kepada:-</p> <p>Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd (902884-V)</p>	<p>Date : Isnin, 18 Mei 2026</p> <p>Time : 10:30 pagi</p> <p>Venue : Multipurpose Hall, Level 5, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.</p> <p>Semua Pembida dikehendaki mendaftar pada Isnin, 18 Mei 2026 di lokasi yang tertera di atas di antara jam 9.30 pagi hingga 10.30 pagi.</p> <p>Wakil-wakil dari pihak Pembida yang berminat mestilah dari kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat. Surat Kuasa Wakil hendaklah dikemukakan, jika berkenaan.</p> <p>Wakil Pembida WAJIB mengemukakan Sijil Pendaftaran yang 'ASAL' dan 'SALINAN YANG DISAHKAN' (oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat) seperti dinyatakan di dalam SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN sewaktu menghadiri Taklimat RFP. Kegagalan mengemukakan sijil-sijil tersebut akan membatalkan kelayakan untuk menghadiri taklimat.</p>

Pembida mestilah memenuhi syarat-syarat MANDATORI seperti berikut untuk menyertai RFP ini:

SYARAT -SYARAT			
Nota: Bagi penyertaan secara Usahasama / Konsortium, penilaian keupayaan Teknikal / Kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama / Konsortium.			
RFP	SYARAT TEKNIKAL		SYARAT MANDATORI KAPASITI KEWANGAN
	MANDATORI	LAIN - LAIN	
<p>REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE SELECTION OF DEVELOPMENT PARTNER FOR THE PROPOSED JOINT DEVELOPMENT AT THE SUNGAI JERNIH MRT STATION</p> <p>NO. RFP : KGL-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000004</p>	<p>Syarikat-syarikat yang berminat telah berjaya menyiapkan projek pembangunan bercampur dalam tempoh 10 tahun yang lalu dengan Nilai Pembangunan Kasar setiap projek sebanyak RM250 juta dan keatas.</p> <p>Projek tersebut perlu merangkumi gabungan mana-mana komponen berikut:</p> <p>a) Kediaman/ Pangsapuri Servis</p> <p>b) Pusat beli-belah/ bangunan kedai/ ruang niaga</p>	<p>Digalakkan mempunyai pengalaman dalam membangunkan perkara berikut:</p> <p>a) Projek di dalam bidang kuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).</p> <p>b) Pembangunan berorientasikan transit.</p>	<p>1. Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) tidak kurang daripada RM100 juta.</p> <p>2. Earnings before Interest, Tax, Depreciation and Amortisation (EBITDA) terkumpul bagi 5 tahun yang lepas adalah positif.</p> <p>3. Baki tersedia bagi kemudahan kredit yang belum digunakan daripada Institusi Kewangan dan/atau tunai bebas tidak kurang daripada RM100 juta.</p>
<p>REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE SELECTION OF DEVELOPMENT PARTNER FOR THE PROPOSED JOINT DEVELOPMENT ABOVE THE MULTI-STOREY PARK AND RIDE AT THE PHILEO DAMANSARA MRT STATION</p> <p>NO. RFP : KGL-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000005</p>		<p>Digalakkan mempunyai pengalaman dalam membangunkan perkara berikut:</p> <p>a) Projek di dalam bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).</p> <p>b) Pembangunan berorientasikan transit.</p>	

Dokumen RFP boleh dibeli mulai **22 Mei 2026** sehingga **21 Julai 2026** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN RFP DOKUMEN	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<p>MRT CORPORATION SDN BHD Jabatan Perolehan (Kaunter Tender) Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari dan 2:00 petang – 5:00 petang</p> <p>Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 3:00 petang – 5:00 petang</p>

Pembida boleh membeli dokumen RFP secara elektronik dengan menghubungi MRT Corp melalui e-mail procurement.dev@mymrt.com.my.

Tarikh serahan RFP adalah pada **Selasa, 4 Ogos 2026**. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang kelewatan didalam penyerahan RFP dokumen tidak akan diterima.

Note:

- Pembida dibenarkan untuk menubuhkan Usahasama/ Konsortium tidak melebihi tiga (3) buah syarikat.
- Penyertaan secara Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium atau *Memorandum of Understanding (MoU)* atau *Letter of Undertaking (LoU)* dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi setiap rakan kongsi Usahasama/Konsortium dan mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Usahasama/ Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama (*Jointly and Severally Liable*) bagi Usahasama/Konsortium tersebut. Pembida tidak dibenarkan untuk menukar rakan kongsi Usahasama/ Konsortium selepas tarikh tutup RFP.
- Setiap Pembida dibenarkan untuk menyerahkan hanya satu (1) penyertaan RFP sahaja sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau Usahasama/ Konsortium. Pembida yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyertaan RFP akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui e-mel kepada procurement.dev@mymrt.com.my. Untuk maklumat lanjut berkenaan MRT Corp, sila layari laman web di alamat www.mymrt.com.my.